

Najib: ISA tak menolong secara politik
MalaysiaKini.com
9 Julai, 2012
Oleh Hazlan Zakaria

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dimansuhkan kerana ia secara politiknya tidak membantu kerajaan Pusat pimpinan BN, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, jika seseorang itu ditahan bawah ISA ia tidak membunuhnya secara politik, sebaliknya melanjutkan karier politiknya.

Bercakap kepada penjawat awam di Putrajaya hari ini, Najib tanpa menamakan mana-mana pihak memberikan contoh bagaimana profil politik mereka naik mendadak selepas ditahan.

Kerajaan memansuhkan ISA pada April lalu.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malysiakini.com/news/203116>